

16/10/2002

Tragedi Bali tidak jejas pasaran modal tempatan: Dr Mahathir

Kadir Dikoh; Badrila Jamlus

TRAGEDI serangan bom di Bali, Indonesia yang menjejaskan pasaran saham seluruh dunia, dijangka tidak memberi kesan negatif berpanjangan kepada pasaran modal tempatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia mempunyai kelebihan sendiri iaitu tidak terlalu bergantung kepada pelaburan langsung asing.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia memberi tumpuan kepada pengembangan pertumbuhan ekonomi yang berteraskan aktiviti domestik seperti disasarkan dalam Bajet 2003.

"Kita berharap kesan (serangan bom di Bali terhadap Malaysia) tidak terlalu besar.

"Seperti anda boleh lihat ia sudah menjejaskan pasaran saham seluruh dunia," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Nuklear Antarabangsa di ibu negara, semalam.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata, beliau percaya pelaburan domestik masih terjamin dan akan terus teguh walaupun kini wujud pelbagai kebimbangan selepas serangan bom di Bali, Sabtu lalu.

Tragedi serangan itu bom di Bali, menjejaskan prestasi pasaran saham di hampir semua negara Asia Tenggara kelmarin dan sentimen kekal lemah sehingga semalam.

Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang susut 7.77 mata kelmarin, susut 5.85 mata lagi semalam untuk ditutup pada 624.16 mata.

Diminta menyatakan apa yang beliau percaya menjadi punca keganasan, Dr Mahathir berkata, ia termasuk serangan berterusan terhadap Palestin, dan keinginan Amerika menyerang Iraq.

Mengenai laporan Jakarta Post yang memetik pemimpin Islam Indonesia mendakwa Amerika mendalangi letupan bom di Bali, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu mengenai perkara itu dan mungkin pihak berkenaan mempunyai bukti mendakwa demikian.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berharap tragedi letupan bom di Bali tidak menjejaskan industri pelancongan negara.

Beliau memberi jaminan bahawa Malaysia masih menjadi antara destinasi pelancongan paling selamat di dunia selain kejadian itu agak jauh dari Malaysia.

"Kebanyakan pelancong yang datang ke rantau ini sudah tentu merancang destinasi dan mereka tidak akan ke kawasan berisiko tinggi di rantau ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kesan tragedi serangan bom itu, di majlis memeterai perjanjian di antara Metro International Airline Sdn Bhd dengan PT Pararekan Tekniktama Aviasindo serta Kartika Airlines di Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, Abdul Kadir berkata, industri pelancongan tempatan mungkin terjejas sedikit khususnya yang membabitkan pelancong yang gemar berkunjung ke beberapa negara di rantau ini dalam masa serentak seperti Singapura, Indonesia, Thailand dan Malaysia.

Sehubungan itu katanya, antara langkah yang boleh diambil ialah meningkatkan pelancongan antara Asean yang sekali gus dapat membantu industri pelancongan Indonesia.

"Kita berharap dapat mengadakan kerjasama lebih erat dengan agensi pelancongan di Indonesia untuk menarik lebih ramai pelancong ke rantau

ini," katanya.